

Wan Rahim dilantik pengerusi LKTN

KOTA BHARU- Pengerusi Amanah Kelantan, Wan Rahim Wan Abdullah dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) yang baru.

Pelantikan beliau sekaligus menamatkan kekusaran penyokong PH yang sebelum ini me-

nantikan pimpinan mereka diangkat dalam pelbagai jawatan lantikan politik selepas berjaya merampas Kerajaan Persekutuan dalam PRU yang lalu.

Sebelum ini, jawatan Pengerusi LKTN disandang Adun Bukit Bunga, Datuk Adhan Kechik.

Wan Rahim ketika dihubungi Sinar Harian semalam mengesahkan menerima lantikan itu, namun belum mendapat surat rasmi.

"Secara lisan saya sudah dimaklumkan tetapi masih menunggu surat rasmi,"katanya.

Sebelum ini, Dr Mohd Radzi Jidin dilantik sebagai senator dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi

Dalam pada itu, satu sidang media akan diadakan Wan Rahim pada hari ini mengenai pelantikan itu.

Wan Rahim merupakan bekas Ahli Parlimen Kota Bharu dan pernah menjawat jawatan Speaker Dun Kelantan.

Dalam PRU lalu, beliau tidak bertanding sebaliknya memberi tumpuan dalam memperkembangkan pengaruh Amanah.



WAN RAHIM